

BERITA HARIAN

Tiada arahan calon PM, TPM

Umno bahagian, cawangan disaran hormati pelan peralihan 2010: Najib

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bharian.com.my

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, Umno tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada cawangan dan bahagian di seluruh negara supaya mencalonkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dirinya, kekal memegang dua jawatan tertinggi dalam pemilihan parti hujung tahun ini.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, hanya saranan diberikan supaya semua pihak termasuk Umno pada peringkat cawangan dan bahagian, menghormati pelan peralihan kuasa pada Jun 2010, seperti diumumkan Perdana Menteri sebelum ini.

"Tidak ada 'gag order' (untuk membuat pencalonan) kepada cawangan yang sedang bermesyuarat atau bahagian tetapi kita hanya bagi saranan supaya mereka menyokong pelan peralihan kuasa itu.

"Saya dan presiden parti


(Abdullah) sudah beberapa kali bercakap mengenai pelan peralihan kuasa ini dan berharap pimpinan pada peringkat bahagian menerima cadangan kami.

"Jika pencalonan pada peringkat cawangan berbeza dengan pelan peralihan kuasa, kita tidak boleh sekat suara pada peringkat akar umbi, tetapi paling penting ialah keputusan sah dikeluarkan bahagian kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada kumpulan terakhir 1,224 mangsa banjir di daerah Pekan pada Disember tahun lalu, membabitkan peruntukan RM863,200, di sini semalam.

Daripada jumlah itu, 1,208 penduduk menerima bantuan wang ihsan RM700 seorang, manakala baki 16 penduduk lagi menerima bantuan RM1,100 seorang.

Turut hadir, Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohd Hatta



Tidak ada 'gag order' (untuk membuat pencalonan)

cawangan yang sedang bermesyuarat atau bahagian"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Abdul Aziz dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Ishak Muhammad.

Umno cawangan Bukit Kuantan 3 di Bahagian Paya Besar dan Umno cawangan Kampung Ubai, Pekan, pada mesyuaratnya baru-baru ini, meluluskan usul mahu Najib

bertanding jawatan Presiden parti dengan alasan tempoh dua tahun bagi pelan peralihan kuasa itu terlalu lama.

Najib berkata, media tidak sepatutnya membuat liputan pendiriari cawangan dalam isu itu berikutan ada antara bahagian mempunyai antara 200

hingga 300 cawangan.

"Jika satu cawangan saja membuat keputusan, ini tak bererti ia keputusan bahagian. Jadi, tak payahlah kita ulas pasal cawangan sebab yang penting ialah bahagian dan saya percaya, semua bahagian di Pahang akan ikut pelan peralihan kuasa itu," katanya.

Sementara itu, mengulas mesyuarat cawangan setakat ini, Najib berkata, ia berjalan baik dan lancar terutama selepas Majlis Tertinggi (MT) menubuhkan Jawatankuasa Pemantau pada peringkat negeri seperti disyorkan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

"Kes pertikaian pada peringkat cawangan, akan dirujuk kepada jawatankuasa itu sebelum dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan kerana ia lebih dekat dan memudahkan siasatan.

"Kita harap mesyuarat berjalan penuh tertib sebab jika berlaku pergeseran atau perbalahan secara fizikal, ini akan merosakkan imej Umno," katanya.